



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jilid XVI/ (7)

10 Jun 1999

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 7/1999:
Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah di Sekolah Menengah

Akhir-akhir ini bilangan kes jenayah yang melibatkan murid sekolah didapati meningkat serta membangkitkan kebimbangan banyak pihak. Gejala anti sosial ini perlu diberi perhatian serius dan sewajarnya ditangani secara menyeluruh dan bersepadu oleh semua pihak. Usaha secara berterusan perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran dan kepekaan murid terhadap jenis dan pola pelakuan jenayah yang berubah-ubah mengikut perubahan persekitaran sosial sekolah.

2. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan menyarankan supaya sekolah-sekolah menengah di seluruh negara menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah masing-masing. Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah ini adalah di antara langkah yang boleh diambil untuk membangkitkan kesedaran dan kepekaan murid-murid terhadap kemungkinan berlakunya perbuatan jenayah dan langkah-langkah mencegahnya. Selain daripada itu penubuhan kelab ini juga akan dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama di antara sekolah dengan pihak polis dalam usaha membenters perbuatan jenayah sama ada di dalam atau di luar kawasan sekolah.

3. Dalam merancang penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah, perhatian harus diberikan kepada perkara-perkara seperti berikut.

- a. Keutamaan diberikan kepada sekolah-sekolah yang berada dalam kawasan yang berisiko jenayah tinggi.
- b. Penubuhan kelab ini tidak bertindih dengan kelab-kelab lain yang mempunyai matlamat yang serupa.
- c. Penasihat Kelab hendaklah terdiri daripada guru sekolah dan Pegawai Perhubungan Polis berperanan sebagai penasihat pakar luar.
- d. Guru penasihat hendaklah menjadi penggerak utama dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan, perjalanan dan pelaksanaan pelbagai kegiatan kelab.

4, Untuk panduan dan rujukan sekolah, contoh perlembagaan kelab disertakan bersama-sama ini. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k. Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia

Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan

Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan

Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan

Ketua Nazir Sekolah

Pegawai Perhubungan Awam

PERLEMBAGAAN KELAB PENCEGAHAN JENAYAH

1. NAMA

Kelab ini dikenali dengan nama Kelab Pencegahan Jenayah

Sekolah _____

2. ALAMAT

Alamat yang digunakan bagi kelab ini: (alamat sekolah)

3. TUJUAN KELAB

- 3.1 Untuk memupuk rasa patuh kepada peraturan dan undang-undang negara.
- 3.2 Melahirkan kesedaran dan rasa tanggungjawab dalam pencegahan jenayah.
- 3.3 Menanamkan nilai-nilai moral yang tinggi di kalangan pelajar bahawa pencegahan adalah lebih baik dari memerangi jenayah.
- 3.4 Menyediakan garis panduan cara-cara pencegahan jenayah dan menggalakkan mereka menjalankan aktiviti yang berfaedah.
- 3.5 Melahirkan pelajar yang bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara dalam hal-hal jenayah.

4. TEMPAT MESYUARAT DAN AKTIVITI

- 4.1 Tempat mesyuarat kelab ini adalah di mana-mana bilik atau kawasan sekolah dengan syarat mendapat kebenaran Pengetua terlebih dahulu.
- 4.2 Tempat menjalankan aktiviti adalah berpusat di dalam kawasan sekolah tetapi boleh juga di lain-lain tempat yang difikirkan sesuai oleh pihak pentadbir sekolah dengan syarat sentiasa diiringi oleh guru penasihat.

5. KEAHLIAN DAN ORGANISASI

5.1 Keahlian kelab ini adalah terbuka kepada semua murid.

5.2 Organisasi Kelab adalah seperti berikut:

- 5.2.1 Penaung : Pengetua
- 5.2.2 Penasihat : Guru Penasihat
Pegawal Perhubungan Polis
- 5.2.3 Jawatankuasa Kelab : Seorang Presiden (Murid sekolah)
Seorang Naib Presiden
Seorang Setiausaha
Seorang Penolong Setiausaha
Seorang Bendahari

5 orang Jawatankuasa yang dilantik
(Jawatankuasa Induk dipilih dalam
Mesyuarat Agung Tahunan)

6. MESYUARAT

- 6.1 Bagi Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Agung Tergempar hendaklah dihadiri tidak kurang daripada 1/3 bilangan ahli.
- 6.2 Bagi Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dihadiri oleh tidak kurang dari 2/3 ahli.
- 6.3 Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan tidak lewat dari 31 Julai setiap tahun.
- 6.4 Memanggil Mesyuarat Agung Tergempar
 - 6.4.1 Atas arahan Guru Penasihat
 - 6.4.2 Apabila difikirkan perlu oleh Jawatankuasa
 - 6.4.3 Atas permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya 1/3 ahli
 - 6.4.4 Mesyuarat Tergempar hendaklah diadakan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh penerimaan permintaan.
 - 6.4.5 Urusan Mesyuarat Agung Tergempar dihadkan hanya kepada maksud mesyuarat itu diadakan.
- 6.5 Setiap mesyuarat yang diadakan hendaklah dengan kebenaran Guru Penasihat dan Guru Penasihat perlu dijemput menghadirinya.

7. KEWANGAN

- 7.1 Kelab mendapatkan sumber kewangan daripada yuran tahunan, derma dan aktiviti-aktiviti kelab.
- 7.2 Jumlah yuran yang ditetapkan untuk setiap ahli ialah sebanyak RM10.00 setahun atau pada kadar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
- 7.3 Jawatankuasa hanya berkuasa membelanjakan kumpulan wang yang ada untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi mencapai tujuan dan maksud aktiviti.
- 7.4 Bendahari tidak boleh menyimpan dalam tangannya wang kelab melebihi RM10.00 pada satu masa. Wang selebihnya hendaklah diserahkan kepada Guru Penasihat.
- 7.5 Tahun Kewangan Kelab ialah 1 Julai hingga 30 Jun.
- 7.6 Setiap perbelanjaan kelab hendaklah dengan kelulusan Jawatankuasa.

8. PERKARA-PERKARA LAIN

Kelab ini adalah tertakluk kepada semua peraturan dan undang-undang yang telah dan akan dikeluarkan oleh Kerajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Sekolah dan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia.

9. PINDAAN PERLEMBAGAAN KELAB

- 9.1 Pindaan perlembagaan kelab boleh diusulkan oleh ahli dan boleh diluluskan dengan mendapat persetujuan 2/3 ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Tergempar.
- 9.2 Persetujuan Pengetua dan Guru Penasihat adalah perlu sebelum sesuatu pindaan perlembagaan kelab dilakukan.